

SULIT

MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT
MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT
BILANGAN 8 TAHUN 2023

TARIKH : 24 OGOS 2023 (KHAMIS)
MASA : 9.30 PAGI
TEMPAT : BILIK CEMPAKA KUNING,
MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT

HADIR

1. **YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd Rahim, D.I.M.P.**
Yang Dipertua, MPKL - Pengerusi
2. **YDM Tengku Dato' Mohamed Alhaj bin Tengku Harun,**
D.S.I.S.,A.M.S.,P.J.K.
Tengku Penggawa Muda Paduka Maha Bijaya
Orang Besar Daerah Kuala Langat
3. **Cik Ang Lee Yong**
Ahli Majlis
4. **Encik Mohd Safiee bin Harun**
Ahli Majlis
5. **Encik Haridass a/l Ramasamy**
Ahli Majlis
6. **Encik Wong Kim Loon**
Ahli Majlis
7. **Encik Nadasan a/l Subramani**
Ahli Majlis
8. **Encik Gan Yee Chin**
Ahli Majlis
9. **Puan Nor Aishah binti Abdul Majid**
Ahli Majlis
10. **Puan Rahimah binti Harun**
Ahli Majlis
11. **Encik Yong Keh Chyn**
Ahli Majlis
12. **Puan Rogayah binti Ibrahim**
Ahli Majlis

13. **Encik Lim Lip Suan**
Ahli Majlis
14. **Encik Tan Wee King**
Ahli Majlis
15. **Encik Panalsalwa a/I R Kuppan**
Ahli Majlis
16. **Encik Zulkipli bin Said**
Ahli Majlis
17. **Encik Abd Razak bin Ramli**
Ahli Majlis
18. **Encik Mat Irwan bin Mat Ismail**
Ahli Majlis
19. **Encik Kamalanathan a/I Chellappan**
Ahli Majlis
20. **Puan Rukiyah binti Kolamchery**
Ahli Majlis
21. **Encik Mohd Yazid bin Abd Manaf**
Ahli Majlis
22. **Encik Sahnizam bin Othman**
Ahli Majlis
23. **Puan Rashina binti Arsat**
Ahli Majlis
24. **Encik Khairul-Azam bin Saroni, A.M.S.**
Setiausaha

TURUT HADIR

1. **Encik Zulkefli bin Mohamed Arif, P.P.T.**
Pengarah Jabatan Kejuruteraan
2. **Encik Mohammad Kamal bin Mohd Ramlan, P.P.T.**
Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan/
Ketua Unit Perolehan dan Ukur Bahan
3. **Puan Norashidah binti Rosli, P.P.T.**
Pengarah Jabatan Perbendaharaan
4. **Sr. Lisawati binti Abd. Karim**
Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

5. **Encik Abdul Rahman bin Abdul Manap, P.J.K.**
Wakil Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan
6. **Tuan Haji Mazlan bin Abdul Manap, A.I.S.**
Pengarah Jabatan Landskap
7. **Puan Nordila binti Yasir**
Pengarah Jabatan Pelesenan
8. **Encik Wan Putara Noor Shahan bin Ngadirin**
Pengarah Jabatan Penguatkuasaan
9. **Puan Norain binti Mohamed**
Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan Persekitaran
10. **Ts. Syamsol Herwan bin Ahmad**
Pengarah Jabatan Kawalan Bangunan
11. **Puan Hashila binti Hamzah**
Pengarah Jabatan Korporat dan Pembangunan Masyarakat
12. **Encik Mohd Firdaus bin Zainal Abidin, P.P.T.**
Pengarah Jabatan Teknologi Maklumat
13. **Datin Mohaneswary a/p Batumalai@Subaramaniam**
Ketua Unit Audit Dalam
14. **Encik Khairul Anuar bin Zainois**
Wakil Penasihat Undang-Undang
15. **Encik Mohd Shauki bin Jamaludin**
Ketua Unit Pesuruhjaya Bangunan
16. **Encik Noor bin Salimi**
Wakil Ketua Unit Pusat Setempat
17. **Puan Kamazulsaliza binti Kamarulzaman**
Ketua Pejabat Cawangan Bandar Saujana Putra
18. **Encik Muhammad Faiz bin Jambri**
Ketua Unit Integriti

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

1. **Puan P. Umananthini a/p Gnanapragasam**
Ahli Majlis
2. **Encik Tan Keng Siang**
Ahli Majlis

DIJEMPUT HADIR

1. **Encik Wong Pak Wei**
Sunview Group Berhad
2. **Cik Mirdalinie binti Mohamed**
Sunview Group Berhad
3. **Cik Eva Natasha**
Sunview Group Berhad
4. **Encik Faiz bin Baharudin**
Sunview Group Berhad

URUS SETIA (JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN)

1. **Encik Mohd Hazery bin Paimin**
Penolong Pegawai Tadbir
2. **Puan Rosmawati binti Othman**
Pembantu Setiausaha Pejabat
3. **Puan Nur Hazlynda binti Sahimi**
Pembantu Setiausaha Pejabat
4. **Encik Mohd Sahlan bin Tukiran**
Pembantu Operasi

PERKARA	TAJUK PERKARA		TINDAKAN
1.0	BACAAN DOA		
		Mesyuarat telah dimulakan dengan bacaan doa yang dipimpin oleh Encik Muhammad Faiz bin Jambri, Ketua Unit Integriti.	Makluman
2.0	UCAPAN PENERUSI		
	YBhg. Dato' Pengerusi memberi salam dan mengalu-alukan kehadiran semua ahli mesyuarat pada hari ini. Dalam ucapannya, beliau memaklumkan perkara-perkara berikut :		
	2.1	Kerajaan Negeri Selangor telah selesai membentuk Kerajaan yang baharu dengan pelantikan YAB. Dato' Seri Amirudin bin Shari sebagai YAB. Dato' Menteri Besar dan barisan Exco Kerajaan Negeri.	Makluman
	2.2	<p>Mesyuarat MMKN Pertama Penggal Ke-15 telah diadakan pada 23 Ogos 2023 yang dimulai dengan Majlis Angkat Sumpah Simpan Rahsia Rasmi oleh semua YB. Exco termasuk YB Ex-Officio di hadapan YAB. Dato' Menteri Besar.</p> <p>YAB. Dato' Menteri Besar telah membangkitkan beberapa perkara seperti berikut :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Beliau merakamkan ucapan tahniah dan selamat bertugas kepada semua ahli Exco baru serta memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT atas pembentukan kerajaan baru. Beliau mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dengan Majlis Angkat Sumpah YAB MB dan Ahli Exco. 2. Beliau mengingatkan ahli MMKN dan penjawat awam untuk bekerja atas prinsip realistik, kerja keras, pantas dan tepat dalam semua urusan agar perkhidmatan sampai kepada masyarakat. 3. Mesyuarat MMKN dan MTES akan diadakan seperti sebelum ini dimana MTES akan diadakan pada setiap hari Rabu, jam 9.30 pagi dan diikuti 	Makluman

		<p>dengan MMKN pada jam 2.30 petang. Oleh itu, semua dicadangkan untuk mengosongkan waktu tersebut (waktu MTES) untuk persediaan hadir ke mesyuarat jika diperlukan.</p> <p>4. Majlis Angkat Sumpah Ahli Dewan Negeri akan diadakan pada 19 September 2023.</p> <p>5. Penetapan jawatankuasa tetap dan portfolio Ahli MMKN adalah seperti berikut :</p> <p>5.1 YAB. Dato' Seri Amirudin bin Shari - Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kewangan, Ekonomi, Pembangunan Tanah, Sumber Alam, Komunikasi Strategik, Pendidikan, Pembudayaan Inovasi, Smart Selangor dan Pengurusan Bencana.</p> <p>5.2 YB. Tuan Ng Sze Han - Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelaburan & Perdagangan, Pembangunan IKS & Wilayah Ekonomi Baharu, Mobiliti Selangor. - Pengerusi Bersama Jawatankuasa Khas Agama Buddha, Kristian, Hindu, Sikh dan Tao Negeri Selangor (LIMAS)</p> <p>5.3 YB. Tuan Ir Izham bin Hashim - Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kemajuan Infrastruktur, Pemodenan Pertanian & Perladangan.</p> <p>5.4 YB. Tuan Borhan bin Aman Shah - Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan & Pembangunan Bandar Lestari, Kebudayaan, Adat Istiadat Melayu & Warisan.</p> <p>5.5 YB. Tuan Ng Suee Lim - Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Kerajaan Tempatan, Pelancongan, Pembangunan Kampung Baru - Pengerusi Bersama Jawatankuasa Khas Agama Buddha, Kristian, Hindu, Sikh dan Tao Negeri Selangor (LIMAS)</p>	
--	--	--	--

		<p>5.6 YB. Datuk Rizam bin Ismail - Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kemajuan Desa & Luar Bandar, Kemampunan Kampung Tradisi, Perpaduan Nasional</p> <p>5.7 YB. Puan Jamaliah binti Jamaluddin - Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam, Alam Sekitar, Perubahan Iklim & Teknologi Hijau.</p> <p>5.8 YB. Tuan Mohd Najwan bin Halimi - Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Belia & Kemajuan Sukan, Pemberdayaan Usahawan & Ekonomi Kreatif, Pengurusan Bencana.</p> <p>5.9 YB. Tuan Papparaidu a/l Veraman - Pengerusi Jawatankuasa Tetap Sumber Manusia, Pembasmian Kemiskinan, Hal Ehwal Orang Asal & Minoriti. - Pengerusi Bersama Jawatankuasa Khas Agama Buddha, Kristian, Hindu, Sikh dan Tao Negeri Selangor (LIMAS)</p> <p>5.10 YB. Tuan Dr. Mohammad Fahmi bin Ngah - Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam, Industri Halal, Infrastruktur Digital, Pembudayaan Sains, Teknologi & Inovasi (STI)</p> <p>5.11 YB. Puan Anfaal binti Saari - Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan Wanita & Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Ekonomi Penjagaan (<i>Care Economy</i>)</p> <p>6. Penyelarasan dengan agensi yang terlibat mengikut portfolio akan diadakan melalui bengkel dalam tempoh terdekat iaitu pada 31 Ogos 2023 sehingga 2 September 2023. Pihak UPEN perlu selaraskan dengan urus setia MMKN berkaitan bengkel Exco pada minggu hadapan. Setiap bilik sindiket ketika bengkel Exco minggu hadapan akan diruskan oleh seorang penyelaras.</p>	
--	--	---	--

		<p>7. Penetapan slogan rasmi pentadbiran baru dari #KitaSelangor kepada #KitaSelangorMajuBersama mulai 1 September 2023.</p> <p>8. Program Jelajah Negeri Selangor Penggal Ke-15 akan diteruskan dengan penjenamaan semula program. Urus setia perlu menyiapkan kalendar jelajah tahun 2024. Penglibatan semua agensi perlu dipelbagaikan semula.</p> <p>9. Pelaksanaan Program Ambang Merdeka Ke-66 pada 30 Ogos 2023.</p> <p>10. Pemakaian surat JPA mengenai Bantuan Khas Penghargaan Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan 2023 untuk digunapakai di Negeri Selangor. Pembayaran bagi gred 56 ke bawah sebanyak RM300 dan RM200 kepada pesara akan dibayar pada 11 September 2023.</p> <p>11. Kertas Invest Selangor berkaitan penyertaan di Jakarta pada 2 September 2023 ini telah diluluskan. Pemakluman lawatan oleh Invest juga telah diambil maklum.</p> <p>12. Kertas hari kelepasan am tambahan (14 Ogos 2023) telah diluluskan.</p>	
3.0	PEMBENTANGAN TAKLIMAT		
	3.1	<p>TAKLIMAT BERKENAAN CADANGAN PENGGUNAAN TENAGA SOLAR BAGI TAPAK PARKIR DI MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT OLEH SUNVIEW GROUP BERHAD.</p> <p>Taklimat telah disampaikan untuk makluman semua ahli mesyuarat seperti di Lampiran A.</p> <p><i>YBhg. Dato' Pengerusi meminta Unit Perundangan, Unit Perolehan dan Ukur Bahan dan Jabatan Perbendaharaan mengadakan perbincangan dan meneliti cadangan ini bersama-sama pihak Sunview Group. Pihak Majlis akan membuat keputusan berkaitan cadangan ini dalam mesyuarat yang akan datang.</i></p>	Makluman

4.0	PENGESAHAN MINIT MESYUARAT		
	4.1	MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT BILANGAN 7 TAHUN 2023 YANG TELAH DIADAKAN PADA 25 JULAI 2023.	
		Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh Encik Yong Keh Chyn dan disokong oleh Encik Panalsalwa a/l R. Kuppam tanpa pindaan.	Makluman
5.0	PERKARA-PERKARA BERBANGKIT		
		- TIADA -	
6.0	MENIMBANG, MENERIMA DAN MELULUSKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT YANG TERCATIT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT :		
	6.1	MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN KORPORAT BILANGAN 2 TAHUN 2023 YANG TELAH DIADAKAN PADA 25 JULAI 2023.	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	
	6.2	MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BILANGAN 8 TAHUN 2023 YANG TELAH DIADAKAN PADA 15 OGOS 2023.	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara berikut :	
	6.2.1	Perkara 4.16 Encik Gan Yee Chin ingin tahu cara tuntutan peruntukan RM 1,000.00 yang diberikan kepada setiap MPP Zon Ahli Majlis sebagai modal bagi melaksanakan program tanam pokok di zon masing-masing.	Makluman

		<i>Pengarah JL memaklumkan tuntutan boleh dibuat kepada Jabatan Landskap seperti tuntutan program Ahli Majlis melalui borang yang akan diedarkan kepada Ahli Majlis. Tuntutan akan dibayar menggunakan peruntukan Tabung Hijau.</i>	
	6.3	MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BILANGAN 8 TAHUN 2023 YANG TELAH DIADAKAN PADA 15 OGOS 2023.	
	6.3.1	<p>YBhg. Dato' Pengerusi membangkitkan mengenai Mesyuarat Khas Bajet Majlis Perbandaran Kuala Langat.</p> <p><i>Pengarah JP memaklumkan pihak Jabatan bercadang untuk mengadakan mesyuarat tersebut pada 25 dan 26 September 2023.</i></p>	Makluman
	6.4	MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN MAMPAN BILANGAN 8 TAHUN 2023 YANG TELAH DIADAKAN PADA 16 OGOS 2023.	
	6.4.1	<p>Perkara 6.8.4</p> <p>Cik Ang Lee Yong memaklumkan mengenai permintaan YB. ADUN Banting supaya diadakan satu mesyuarat bersama JPS berkaitan banjir yang berlaku di Taman Seri Jaromas susulan kolam tadahan yang tidak diselenggara.</p> <p><i>YBhg. Dato' Pengerusi meminta Pengarah JK mengaturkan satu mesyuarat bagi membincangkan isu banjir ini dengan menjemput YB. ADUN Banting, Ahli Majlis kawasan, JPS, JKR, pemaju perumahan Taman Jaromas, Pejabat Daerah/Tanah Kuala Langat, ketua kampung dan jabatan-jabatan teknikal dalaman MPKL.</i></p>	JK
	6.5	MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENGANGKUTAN AWAM BILANGAN 8 TAHUN 2023 YANG TELAH DIADAKAN PADA 17 OGOS 2023.	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	

	6.6	MESYUARAT JAWATANKUASA PERKHIDMATAN DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BILANGAN 8 TAHUN 2023 YANG TELAH DIADAKAN PADA 18 OGOS 2023.	
	6.6.1	<p>Perkara 5.3.1</p> <p>Cik Ang Lee Yong ingin tahu kes-kes yang dibawa ke Lembaga Tatatertib pada tahun 2023 ini.</p> <p><i>YBhg. Dato' Pengerusi memaklumkan terdapat empat kes yang dibawa ke Lembaga Tatatertib iaitu :</i></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. 1 kes tidak hadir bekerja yang dikenakan tindakan buang kerja. 2. 1 kes pecah amanah (belum dijatuhkan hukuman) 3. 1 kes meniru tandatangan pegawai untuk surat kelulusan (belum dijatuhkan hukuman) 4. 1 kes pertuduhan menerima rasuah (tunggu keputusan mahkamah) 	Makluman
	6.6.2	<p>Encik Wong Kim Loon membangkitkan mengenai tahap keselamatan emel Zimbra yang digunakan oleh pihak Majlis pada masa ini.</p> <p><i>Pengarah JTM memaklumkan kos penggunaan Zimbra lebih rendah dan dapat menyimpan jumlah data yang lebih banyak berbanding Gmail.</i></p>	Makluman
	6.6.3	<p>Perkara 5.2.1</p> <p>Encik Mat Irwan berharap pihak Majlis dapat bersedia sekiranya isu kilang bateri di Kampung Jenjarum dibangkitkan semula oleh pihak-pihak yang berkenaan. Pada masa ini, isu ini masih menjadi buah mulut penduduk setempat.</p> <p><i>Pengarah JKB memaklumkan pihak kilang sedang memohon CCC untuk tambahan dan pindaan pada kilang tersebut. Pihak Jabatan telah menerima permohonan CCC interim daripada Unit Pusat Setempat dan satu lawatan tapak telah dilakukan baru-baru ini. Pihak Jabatan telah memberikan beberapa ulasan yang perlu dipatuhi oleh pihak kilang sebelum pihak Jabatan menerima permohonan CCC (Borang G12) daripada pihak konsultan.</i></p>	Makluman

	6.7	MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN BILANGAN 8 TAHUN 2023 YANG TELAH DIADAKAN PADA 18 OGOS 2023.	
	6.7.1	<p>Perkara 5.7.2</p> <p>Encik Zulkipli memaklumkan perkara yang sama turut berlaku di Seri Cheeding dan Jenjarom dimana tong sampah kampung tradisi ini diterbalikkan dan dirosakkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.</p> <p><i>Encik Mat Irwan memaklumkan terdapat lori KDEB yang tidak dapat mencangkuk tong sampah tersebut dengan baik menyebabkan tong sampah menjadi rosak.</i></p>	Makluman
	6.7.2	<p>Perkara 4.2</p> <p>Encik Gan Yee Chin meminta laluan pejalan kaki disediakan di Balairaya Jalan Mentari, Bandar Mahkota memandangkan ketika ini laluan yang digunakan melalui padang dan sukar dilalui ketika musim hujan.</p>	JL
	6.8	MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BILANGAN 8 TAHUN 2023 YANG TELAH DIADAKAN PADA 22 OGOS 2023.	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	
7.0		MEMAKLUMKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT YANG TERCATIT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT:	
	7.1	MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT BILANGAN 13 TAHUN 2023 YANG TELAH DIADAKAN PADA 5 JULAI 2023.	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	

	7.2	MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT BILANGAN 14 TAHUN 2023 YANG TELAH DIADAKAN PADA 20 JULAI 2023.	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	
8.0	PERKARA-PERKARA YANG DIBINCANGKAN		
	8.1	<p><u>KERTAS MESYUARAT NO. 1</u></p> <p>KERTAS PERTIMBANGAN PENETAPAN PEMBERIAN AWARD WANG TUNAI GANTIAN CUTI REHAT (GCR) KEPADA PEGAWAI LANTIKAN SECARA PERTUKARAN PELANTIKAN (ATAS PERMOHONAN SENDIRI).</p> <p>Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan mesyuarat.</p> <p>1. Terdapat 5 orang kakitangan MPKL yang telah membawa GCR dari agensi lama ke MPKL seperti jadual di bawah :</p>	JKP

Jadual 1:

Bil	Nama & Tarikh Pecen	Agensi Sebelum	Tarikh Lantikan	GCR Dibawa	GCR semasa di MPKL
1	Zulkefli bin Mohamed Arif (17.5.2026)	JKR Sepang	1.3.1989	14	
		MDKL	1.12.2000		178
2	Lisawati binti Abd Karim (7.12.2042)	MPKS	1.4.2010	11	
		MPKL	16.5.2012		51
3	Noor Hayati binti Ibrahim	JKNS-Port Klang	18.9.2006	14	
		JKNS-HTAR	1.11.2010	0	
		MP Kajang	1.4.2015	11	
		MPKL	1.12.2015		56
4	Mohaneswary a/p Batumalai @Subaramaniam (12.7.2042)	Kem. Pertanian (Veterinar)	5.5.2008	12	
		MPKL	2.5.2012		94
5	Mohd Asszwwir bin Mohd Sabiruddin (22.9.2037)	MPSelayang	1.5.2007	154	
		MPKL	1.2.2023		0

2. Syarat Pertukaran Pelantikan terpakai kepada beberapa perkara dan jelas dinyatakan di Perkara 6 :

(i) **Cuti Rehat**

Kelayakan cuti rehat tahunan pegawai di jawatan baharu dikekalkan mengikut kelayakan cuti rehat di jawatan asal atau di jawatan baharu, mana yang lebih tinggi. Pegawai juga dibenarkan membawa baki cuti rehat tahunan dan cuti rehat yang telah dikumpulkan bagi tujuan award wang tunai sebagai gantian cuti rehat mengikut peraturan yang berkuatkuasa.

(t) **Hubungan Dengan Skim Perkhidmatan/Perkhidmatan Asal**

Hubungan pegawai dengan perkhidmatan asal terputus kecuali bagi maksud faedah persaraan dan kemudahan dalam perkhidmatan yang diberi menggunakan tempoh perkhidmatan. Contoh : cuti rehat, cuti haji, cuti tanpa gaji dan kelayakan pinjaman

3. Merujuk kepada tukar lantikan atas permohonan sendiri (Pelepasan Dengan Izin) yang melibatkan PBM Beza, pegawai masih tertakluk kepada PP Bil. 6 Tahun 2016, namun kelayakan untuk membawa baki cuti rehat, gantian cuti rehat yang terkumpul adalah terhenti, kelayakan pada tarikh lantikan genap 10 tahun dan tarikh lantikan bagi penetapan cuti rehat adalah berkuatkuasa dari tarikh dilantik di PBM baharu. Pertukaran pelantikan dan pencantuman pengumpulan GCR ini melibatkan pada aspek/kategori perkhidmatan dan hanya diluluskan di bawah lantikan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang sama serta diperincikan seperti di bawah :

Jadual 2:

Agensi	Kelayakan Membawa GCR Dari Agensi Lama
SUK Negeri Selangor	Dibenarkan membawa perkhidmatan dan GCR tidak dikira
MP Kuala Selangor	Dibenarkan membawa perkhidmatan dan GCR namun bayaran GCR dari agensi lama di tuntutan di agensi lama (tiada kes sehingga 2023)
MBSA	Dibenarkan membawa perkhidmatan dan GCR dibayar
MP Selayang	Dibenarkan membawa perkhidmatan dan GCR dibayar

Syor

1. Pihak Jabatan mengesyorkan Pemberian Award Wang Tunai Gantian Cuti Rehat (GCR) kepada pegawai lantikan secara pertukaran pelantikan (atas permohonan sendiri) di jabatan lama boleh dicantumkan dengan GCR di agensi terakhir berkhidmat (MPKL) tertakluk kepada jumlah GCR yang boleh dikumpul di bawah peruntukan Pekeliling semasa.

Ahli Mesyuarat dipohon untuk menerima dan meluluskan GCR di Jadual 1 dan pemakaian dasar ini berkuatkuasa serta-merta.

		<p><u>KEPUTUSAN MESYUARAT</u></p> <p>Mesyuarat bersetuju menerima dan meluluskan kertas mesyuarat ini.</p>	
	8.2	<p><u>ADDENDUM NO. 1</u></p> <p>KERTAS PERTIMBANGAN CADANGAN MENERIMA PAKAI PEKELILING PERKHIDMATAN, SURAT PEKELILING DAN SURAT EDARAN.</p> <p>Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan mesyuarat.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pemakaian Pakaian Batik Malaysia Semasa Waktu Bekerja Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan. <ul style="list-style-type: none"> - Pemakaian batik Malaysia oleh pegawai perkhidmatan awam telah dilaksanakan semenjak tahun 1985. Bagi meneruskan serta menyokong industri batik Malaysia serta memastikan ianya kekal sebagai warisan dan lambang identiti rakyat Malaysia, Kerajaan bersetuju agar semua pegawai awam <u>diwajibkan</u> memakai pakaian <u>batik Malaysia</u> pada <u>setiap hari Khamis</u> dan <u>digalakkan</u> pemakaiannya pada setiap hari bekerja yang lain. - Ketetapan pemakaian batik ini dikecualikan bagi pegawai yang dibekalkan pakaian seragam atau menghadiri majlis rasmi dengan ketetapan kod pakaian tertentu. - Arahan pemakaian ini berkuat kuasa mulai dari tarikh surat edaran ini dikeluarkan. Melalui ketetapan baharu ini, maka Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2021 mengenai Pemakaian Pakaian Batik Malaysia bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan adalah dibatalkan. <p><u>KEPUTUSAN MESYUARAT</u></p> <p>Mesyuarat bersetuju menerima dan meluluskan pemakaian Surat Pekeliling Perkhidmatan ini.</p>	JKP

9.0	HAL-HAL LAIN		
	9.1	Pengarah JP :	
		<p>1. Beliau memohon pertimbangan dan kelulusan mesyuarat bagi pembayaran Bantuan Khas Penghargaan Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan 2023 sebanyak RM 300.00 kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana Gred 56 dan ke bawah termasuk pegawai/kakitangan lantikan kontrak. Manakala RM 200.00 untuk pesara Kerajaan. Bantuan Khas ini juga dipanjangkan kepada semua Ahli Majlis MPKL. Pembayaran akan dibuat pada 11 September 2023.</p> <p><u>KEPUTUSAN MESYUARAT</u></p> <p>Mesyuarat bersetuju meluluskan pembayaran Bantuan Khas Penghargaan Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan 2023 ini dengan pembayaran dibuat pada 11 September 2023 termasuk kepada semua Ahli Majlis MPKL.</p>	Makluman
	9.2	Encik Nadasan a/l Subramani :	
		<p>1. Beliau berharap pihak Harbour Home dapat menyiapkan jambatan di Bandar Mahkota dengan kadar segera. Ini adalah kerana kehadiran lori-lori di situ telah menyebabkan kerosakan jalan.</p>	Makluman
	9.3	Encik Haridass a/l Ramasamy :	
		<p>1. Beliau membangkitkan mengenai Program Saringan Kesihatan anjuran Ahli Majlis bersama Penyelaras Parlimen Kuala Langat di Dewan Orang Ramai Jenjarom baru-baru ini. Pihak penganjur telah meminta MPKL dan Pejabat Daerah Kuala Langat untuk membuka kaunter pendaftaran e-Kasih di situ. Namun beliau menzahirkan rasa kecewa kerana kaunter tersebut ditutup apabila calon yang bertanding bagi DUN Banting hadir di program ini. Beliau</p>	

		<p>menyatakan ini merupakan program Ahli Majlis dan pihak JKPM maklum mengenai perkara ini. Walaupun pihak JKPM kembali membuka kaunter e-Kasih tersebut, beliau tetap berasa terkilan atas kejadian ini.</p> <p>Beliau memaklumkan perkara yang sama juga berlaku ketika ketika Program Penyampaian Bantuan Ribut bersama-sama pihak MBI dimana Pejabat Daerah Kuala Langat tidak memberikan bantuan yang diperlukan seperti khemah, rostrum dan lain-lain. Ini menyebabkan pihak penganjur memohon bantuan logistik daripada pihak Majlis.</p> <p>Beliau beranggapan kakitangan awam perlu memberikan perkhidmatan kepada kerajaan yang ada pada hari ini. Beliau berharap isu ini tidak akan berulang di masa akan datang.</p>	Makluman
10.0	UCAPAN PENANGGUHAN		
	Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Encik Mat Irwan bin Mat Ismail.		
	10.1	<p>Beliau mengucapkan salam dan selamat sejahtera kepada YBhg. Dato' Pengerusi, Timbalan Yang Dipertua, YDM Tengku Dato' Mohamed AlHaj, Ketua-ketua Whip, Ahli-Ahli Majlis dan Pengarah-pengarah Jabatan MPKL.</p> <p>Beliau memanjatkan kesyukuran kepada Allah swt kerana dapat menyempurnakan satu lagi amanah dalam kerja-kerja pentadbiran di peringkat Majlis Perbandaran Kuala Langat. Demi rakyat dan kemaslahatan umum, banyak keputusan penting telah disepakati sepanjang bulan ini dengan diakhiri oleh mesyuarat pada hari ini.</p> <p>Bulat air kerana pembedung, bulat rakyat kerana muafakat.</p> <p>Hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicicah.</p>	Makluman

	10.2	<p>Umum mengetahui bahawa kita berada dalam kelompok kerajaan dilapisan ketiga selepas Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat. Namun dari segi beban kerja dan tanggungan PBT merupakan <i>frontliner</i> kepada jentera kerajaan yang lain kerana PBT berada dekat dengan rakyat dan masyarakat. Apa sahaja isu dan masalah dari sekecil isu seperti rumput panjang dan kucing mati di hadapan rumah sehinggalah banjir dan ribut taufan, PBT adalah penggalas utama penyelesaian masalah tersebut.</p> <p>Sehingga kini, berkat kerjasama dalam satu pasukan antara Pengarah Jabatan, kakitangan MPKL dengan dipimpin oleh YBhg. Dato' Yang Dipertua serta kolaborasi di pihak Ahli Majlis, semua masalah dan isu berkenaan dapat diharungi dan diatasi dengan baik.</p>	Makluman
	10.3	<p>Beliau juga menzahirkan kesyukuran dan berbangga di atas mandat penuh untuk satu penggal lagi bagi Pakatan Harapan dan Kerajaan Perpaduan terus memimpin dan mentadbir Negeri Selangor Darul Ehsan. Bukti kesungguhan pimpinan negeri untuk berhadapan dengan rintangan yang lebih besar di masa hadapan dapat dilihat dengan pembentukan formasi pasukan Ahli Exco Kerajaan Negeri Selangor pada kali ini yang dianggotai oleh ramai pimpinan generasi baru, muda, berpengalaman dan berpendidikan. Dengan izin Allah swt akan ada lebih banyak penambahbaikan dan pembaharuan yang akan dilakukan dalam penggal yang mendatang.</p> <p>Begitu juga dengan perubahan gaya pentadbiran di peringkat Kerajaan Pusat dimana ramai yang tidak menyedari bahawa Datuk Seri Anwar bin Ibrahim telah dan sedang bertungkus-lumus melakukan banyak perubahan. Antaranya adalah penambahbaikan tatakelola serta penjimatan kewangan di pelbagai kementerian, memudahkan cara urusan rakyat dan penyampaian di pelbagai peringkat serta lebih empati dalam memberi solusi terus kepada setiap masalah yang sampai kepada beliau.</p> <p>Apabila kesemua ini disimpulkan, pasca pilihanraya negeri yang lalu telah memberikan jawapan yang jelas bahawa kesungguhan, komitmen, kerja keras dan menyelesaikan masalah berkaitan infrastruktur dan lain-</p>	Makluman

		lain tidak cukup untuk membeli jiwa rakyat yang sedang bergelut dengan hambatan masalah ekonomi dan sebagainya.	
	10.4	<p>Politik persepsi, andaian, fitnah dan cerekaraya yang bermaharajalela di media sosial merupakan cabaran baru dan terbesar untuk semua. Contohnya isu <i>flyover</i> Bandar Saujana Putra dimana sejak tahun 2018 pihak Majlis berusaha keras membincangkan perkara berkaitan peruntukan, kelulusan, reka bentuk dan lain-lain dalam membantu menyelesaikan isu ini.</p> <p>Namun isu ini merupakan isu utama yang direka cerita dan dipermainkan oleh sesetengah pihak sehingga menafikan kerja baik MPKL yang lain. Antara isu lain yang dipermainkan adalah isu saman dan penguatkuasaan, kerja-kerja infra serta senarai aduan panjang yang lain turut dipolitikkan.</p> <p>Kayu buruk pasak berbingkai, Binaan kota amanah pusaka, Bau busuk tidak berbangkai, Celaan ternyata fitnah belaka.</p> <p>Binaan kota amanah pusaka, Menara besar kilat bersinar, Celaan ternyata fitnah belaka, Perkara benar dibuat onar.</p>	Makluman
	10.5	<p>Apa juga keputusan yang diterjemah melalui kertas undi dalam pilihan raya negeri yang lalu sangat dihormati. Ini adalah suara rakyat dimana suara rakyat adalah suara keramat. Namun mainan emosi, sentimen perkauman, menghina institusi raja dan agama bakal menafikan kerja-kerja asasi kita di MPKL adalah sesuatu yang amat dikesali. Beliau melihat perkara negatif ini akan memberikan persepsi yang sangat buruk kepada masa depan Negeri Selangor dan negara keseluruhannya jika tidak dibendung dengan segera.</p> <p>Ketidakstabilan dan andaian buruk dan berpolitik yang berpanjangan akan menyukarkan pertumbuhan ekonomi kerana ramai pelabur tidak mahu berniaga dan melabur di Kuala Langat ini. Rakyat serta generasi muda dan semua pihak akan mendapat tempias secara langsung.</p>	Makluman

	<p>Oleh itu, beliau mencadangkan dua solusi kepada isu ini. Pertama ialah semua pihak perlu memantapkan lagi kerjasama pasukan sesama Ahli Majlis, Pengarah dan kakitangan untuk bersama-sama memahami dalam konteks mesyuarat : "what begins here, ends here" . Apa sahaja yang dibincangkan, didebatkan, disimpulkan dan bakal dilaksanakan yang terbaik adalah disini secara bersama-sama.</p> <p>Yakini apa yang disuarakan oleh Ahli Majlis adalah mewakili rakyat diluar sana. Apa yang disuarakan itu adalah keluhan, aduan dan suara hati rakyat. Tiada yang bersifat peribadi.</p>	
10.6	<p>Teriakan aspirasi dan dokongan yang harus diterjemahkan kepada pimpinan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Ketika ini semua kerajaan tersebut mendapat restu dan titah Sultan yang sangat mengharapkan kestabilan ekonomi dan politik agar negara dapat dipulihkan dan semua pihak dapat keluar daripada kemelut yang melanda sejak sekian lama.</p> <p>Secara peribadi ini merupakan waktu yang paling manis dan tepat tatkala kerajaan ditadbir oleh pimpinan yang tidak mempunyai agenda peribadi bahkan semua adalah agenda untuk rakyat.</p> <p>Habislah buruk cempedak ditangkai, Binasalah isi di tepi pelenggar, Biarlah busuk tidak berbangkai, Masa pasti membuktikan yang benar.</p> <p>Cadangan kedua ialah memantapkan semua saluran media baharu secara <i>full force</i> sama ada di Facebook, Tik Tok, Instagram dan sebagainya. Penggunaan ayat ringan, ringkas dan santai serta penggunaan gambar dan media yang baik, menggunakan pengengaruh (<i>influencer</i>) atau tokoh yang tinggal di Kuala Langat dan yang paling penting MPKL perlu proaktif menjawab setiap soalan dan isu atau permasalahan yang dibawa di media sosial dengan pantas, pendek dan menarik. Tidak dinafikan pihak Majlis telah melakukan pelbagai gerak kerja ke arah itu namun dipohon untuk melihat semula penambahbaikan yang ada. Jika masalah kekangan kewangan dan masalah tenaga mahir menjadi hambatan, maka semua Ahli Majlis sedia menimbang</p>	Makluman

		<p>untuk tambahan peruntukan bagi tujuan tersebut. Ini adalah kerana nama baik Majlis Perbandaran Kuala Langat itu dan seluruh kakitangan adalah tidak ternilai. Sebarang usaha untuk memartabatkan atau mempertingkatkan persekitaran dan suasana tempat kerja yang lebih baik akan sentiasa disokong. Sebarang usaha untuk mempertingkatkan kompetensi dan sumber tenaga dalaman sama ada naiktaraf jawatan, sambung belajar, penganjuran kursus dan seminar akan sentiasa disokong.</p>	
	10.7	<p>Secara jujur dalam perjalanan karier politik dan sebagai bekas pegawai sama ada sewaktu di Unit Perancang Ekonomi Negeri, di Majlis Perbandaran Klang, di Majlis Daerah Kuala Langat yang kemudian dinaiktaraf kepada Majlis Perbandaran Kuala Langat, di Majlis Perbandaran Sepang dan kembali semula ke Majlis Perbandaran Kuala Langat, secara kesimpulannya Majlis Perbandaran Kuala Langat adalah tempat yang paling menyeronokkan dan paling memberikan kesan kepada beliau. Ini adalah kerana Kuala Langat dikurniakan dengan semua elemen sama ada alam semulajadi dan pembangunan terancang yang menyeluruh, pantai yang cantik, hutan simpan paya bakau dan paya gambut, taman tema air, kawasan perindustrian dan perumahan yang pesat berkembang. Begitu juga dengan kawasan pertanian dan eko-pelancongan, jaringan perhubungan yang terbaik dengan pelbagai lebuh raya dan Pelabuhan Pulau Carey yang bakal dibangunkan. Semua ciri-ciri perbandaran yang sempurna ada di Kuala Langat. Justeru itu, pembangunan yang mampan gaya orang kuala harus dijadikan matlamat. Nasib rakyat sama ada Melayu, Cina, India, Orang Asli mahupun anak rantau harus diberikan keutamaan. Kelestarian alam sekitar juga perlu dijadikan pengukuhan.</p> <p>Beliau yakin dengan strategi, pelan dan tindakan yang betul pasti MPKL akan menjadi sebuah PBT yang cakna masyarakat dan cakna alam sekitar.</p>	Makluman

	10.8	<p>Beliau menzahirkan rasa bertuah dan berterima kasih kerana berada dalam pasukan kerja di MPKL ini. Beliau juga berterima kasih kerana terus diberikan kepercayaan untuk berada di sini oleh kepimpinan Cabang Kuala Langat serta pucuk pimpinan Negeri Selangor.</p> <p>Beliau akan terus memberikan idea dan pandangan untuk daerah Kuala Langat, Negeri Selangor dan Negara Malaysia yang dicintai.</p> <p>Patah galah bertongkat kaki, Patah kaki bertongkat lutut, Patah lutut bertongkat siku, Patah siku bertongkat kuku, Patah kuku bertongkat sayap, Patah sayap bertongkat paruh, Patah paruh bertongkat dagu, Namun ku daki tetap ku daki, Walau pun jatuh tercarap, Misai pantang mencecah lantai.</p>	Makluman
	10.9	<p>Sempena sambutan Hari Kemerdekaan Ke-66 Tahun 2023 ini selari dengan tema "Malaysia Madani : Tekad Perpaduan Penuhi Harapan", beliau berharap agar semua pihak dapat bersatu hati mengorak langkah secara bersama ke arah membina daerah dan kawasan pentadbiran yang terbaik diantara yang terbaik.</p>	Makluman
11.0	UCAPAN PENUTUP OLEH Pengerusi		
		<p>YBhg. Dato' Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat.</p> <p>Seterusnya, beliau menanggungkan mesyuarat pada hari ini.</p>	Makluman

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.25 tengah hari.

Disediakan oleh :

Urus Setia Mesyuarat,
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Kuala Langat

Tarikh siap : 25/8/2023

Disemak oleh :

.....
(KHAIRUL-AZAM BIN SARONI, A.M.S.)

Setiausaha,
Majlis Perbandaran Kuala Langat.

Disahkan oleh :

.....
(DATO' AMIRUL AZIZAN BIN DATO' SRI ABD RAHIM, D.I.M.P.)

Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Kuala Langat

Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh
dan disokong oleh

rosmawati/mesyuarat mpkl 8/2023

PETUNJUK :

- | | | |
|------------|---|---|
| 1. JKP | - | JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN |
| 2. JP | - | JABATAN PERBENDAHARAAN |
| 3. JPPH | - | JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA |
| 4. JPL | - | JABATAN PELESENAN |
| 5. JPP | - | JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN |
| 6. JK | - | JABATAN KEJURUTERAAN |
| 7. JKB | - | JABATAN KAWALAN BANGUNAN |
| 8. JL | - | JABATAN LANDSKAP |
| 9. JKPM | - | JABATAN KORPORAT DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT |
| 10. JPK | - | JABATAN PENGUATKUASAAN |
| 11. JPSPKP | - | JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN
KESIHATAN PERSEKITARAN |
| 12. BTM | - | BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT |
| 13. UU | - | UNIT PERUNDANGAN |
| 14. UAD | - | UNIT AUDIT DALAM |
| 15. OSC | - | UNIT PUSAT SETEMPAT |
| 16. COB | - | UNIT PESURUHJAYA BANGUNAN |
| 17. UPUB | - | UNIT PEROLEHAN DAN UKUR BAHAN |
| 18. BSP | - | PEJABAT CAWANGAN BANDAR SAUJANA PUTRA |